

# Kesan 'ketagihan' internet

Keseronokan berinteraksi dalam dunia siber menyebabkan manusia lupa diri

B/H 13/7/12  
NS 51



Dunia internet banyak mengubah cara manusia hidup, berfikir dan berinteraksi.

Internet telah mewujudkan satu bentuk kehidupan baru kepada manusia. Ia adalah kehidupan yang tersendiri dan amat unik serta berbeza daripada kehidupan secara fizikal yang berlaku dalam alam realiti ini.

Kehidupan baru dikenali dunia siber atau kehidupan alam maya tetapi bukan kehidupan di alam fantasi, kerana ia juga bersumberkan kehidupan alam realiti.

Dunia internet telah banyak mengubah cara manusia hidup, berfikir, berinteraksi dan berhubung. Ia memudahkan kehidupan dalam banyak perkara meliputi urusan perbankan, jual beli, perhubungan, komunikasi, pengajian, pembelajaran, keselamatan, hiburan dan lain-lain. Namun, dunia internet juga memiliki kemudaran tersendiri.

Wujud pelbagai perkara negatif akibat daripada penggunaan internet ini meliputi gejala penipuan, penyamaran, penggodaman dan serangan virus. Wujud juga aktiviti membuli dalam dunia siber. Malah, ada yang lebih teruk lagi apabila penggunaan internet itu menyebabkan

gejala ketagihan.

Ketagihan internet boleh berlaku apabila seseorang mengalami hilang upaya untuk mengawal tingkah laku penggunaan internet dalam kehidupan harian. Akibat ketidakupayaan itu, ia akhirnya mengalami kesukaran menjalani hidup.

Gangguan yang berlaku menjejaskan kestabilan fungsi emosi dan mental, perhubungan sosial, pergaulan serta tanggungjawabnya terhadap organisasi dan institusi.

Ketagihan adalah topik paling asas dan penting dalam bidang sains kesihatan mental dan ia mendedahkan kepayahan, menjejaskan fungsi kehidupan individu serta memerlukan rawatan yang khusus.

Ini menjejaskan kehidupan yang harmoni bagi individu serta keluarga, organisasi, masyarakat dan negara. Ket-

agihan dikategorikan kepada dua iaitu ketagihan terhadap bahan dan ketagihan terhadap bukan bahan yang juga dikenali 'ketagihan amalan'.

Ketagihan terhadap bahan lebih ketara

seperti dadah, arak dan juga rokok. Ia mendatangkan kesan keseronokan yang diperoleh setelah diambil melalui proses penghadaman. Manakala ketagihan amalan jarang dikenali tetapi ia wujud dan semakin berleluasa.

Ketagihan internet turut mendatangkan kesan seperti dialami akibat penyalahgunaan bahan, iaitu di mana seseorang berasa perlu untuk kekal secara dalam talian bagi tempoh waktu tertentu untuk memenuhi keseronokan bagi mengelak kekosongan dan kebosanan.

Mereka juga turut mengalami desakan jiwa, mental dan emosi untuk mengekalkan keseronokan berinternet, akhirnya menjadi terdesak memanjangkan tempoh waktu dalam talian, hingga sukar berpisah dari komputer.

## Remaja dominasi ketagihan

Kajian menunjukkan individu yang mengalami ketagihan internet terdiri daripada pelbagai latar belakang usia, remaja mahupun yang sudah berusia. Namun hakikatnya, remaja masih mendominasi

masalah ketagihan ini.

Majoriti penduduk dari negara Asia adalah penagih internet tegar, berbanding penduduk Eropah, Amerika, sementara China dan Taiwan negara yang paling tegar. Muncul pelbagai andaian mengapa situasi ini berlaku antaranya ialah kejutan budaya akibat kesan teknologi internet.

Sebab lain pula seperti perhubungan dan ikatan kekeluargaan yang longgar, memiliki kemahiran perhubungan sosial lemah, pengaruh negatif dan tekanan rakan sebaya yang mempunyai kecenderungan internet.

Kajian dalam *Jurnal Asia-Pacific Psychiatry* keluaran April 2012, menunjukkan faktor personaliti telah mendedahkan seseorang itu untuk berisiko tinggi menjadi ketagih apabila berhadapan dengan internet.

Bukan internet yang sebenarnya menyebabkan ketagihan, tetapi terdapat ciri menjurus kepada gangguan mental mendorong seseorang itu terpengaruh dan akhirnya menjadi ketagih internet.

“Majoriti penduduk dari negara Asia adalah penagih internet tegar, berbanding penduduk Eropah, Amerika, sementara China dan Taiwan negara yang paling tegar”



PERSPEKTIF IKIM

Khairul Azhar Idris